

**Projek Komuniti DIB2A dengan kerjasama IM4U:
English Fun Day at SK Parit Hj. Wahab, Tanjung Piandang, Perak.**

Seramai lebih kurang 40 orang pelajar Politeknik Seberang Perai dari jurusan Diploma Kewangan dan Perbankan Islam telah mengambil bahagian dalam English Fun Day 2014 yang diadakan di Sekolah Kebangsaan Parit Haji Wahab, Tanjung Piandang baru-baru ini. Program yang berlangsung selama satu hari itu memberi peluang kepada pelajar DIB 2A Politeknik Seberang Perai untuk mengambil bahagian secara aktif dalam menjayakan program tersebut sebagai sebuah projek komuniti. Program yang dianjurkan dengan kerjasama IM4U Politeknik Seberang Perai ini diadakan untuk mempertingkatkan kemahiran berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris di samping mengikis sifat malu dan kurang berkeyakinan untuk berinteraksi dalam Bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar. Pelbagai aktiviti yang menyeronokkan diatur untuk memeriahkan program tersebut. Pengarah Program yang juga Penasihat Akademik Kelas DIB 2A, Puan Khairun Nisah binti Selamat menjelaskan program ini telah disertai seramai 132 orang murid tahun 3 hingga 5 dari Sekolah Kebangsaan Parit Haji Wahab, Tanjung Piandang dan juga komuniti setempat. Menurut beliau, program tersebut memberi peluang kepada Politeknik Seberang Perai untuk menyumbang khidmat kesepakaran di samping menjalinkan usaha-usaha kolaborasi dan kerjasama yang baik dengan komuniti setempat. Beberapa peserta program English Fun Day tersebut menyatakan perasaan gembira kerana pengalaman yang dilalui semasa program tersebut telah menjadikan mereka lebih berkeyakinan untuk berinteraksi dalam Bahasa Inggeris.



Sebahagian peserta English Fun Day 2014 di SK Parit Hj. Wahab, Tanjung Piandang bergambar bersama Pegawai Pejabat Pelajaran Daerah Kerian.